Putrajaya ibu kota baru?

Cadangan menjadikan Putrajaya sebagai ibu negara menggantikan Kuala Lumpur sempena 50 tahun kemerdekaan mungkin radikal, namun berdasarkan pelan asal pembangunan bandar itu, ia bukanlah mustahil.

Kosmo m/s 20
6.2.07

Oleh AMREE AHMAD
amree@kosmo.com.my

SEBAIK sahaja Datuk Seri (kini Tun) Dr. Mahathir Mohamad melangkah masuk secara rasmi ke Perdana Putra, bangunan kerajaan pertama beroperasi di Putrajaya pada 21 Jun 1999, tempat itu mula dicatat dalam peta dunia.

Kawasan ladang getah dan kelapa sawit yang dahulunya terpencil berubah wajah menjadi tempat segala keputusan penting kerajaan dibuat, sekali gus menjadi mercu tanda masa selaras dengan aspirasi Wawasan 2020.

Malangnya setelah lebih sedekad Putrajaya diwartakan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan baru sejak tahun 1993 menerusi Akta Parlimen, peranannya masih belum mencapai status sebuah ibu negara.

Ironi Putrajaya dibentuk bagi menggantikan Kuala Lumpur berasaskan model tujuh negara lain memindahkan ibu kota lama yang kemudian ia diubah sebagai pusat komersial. Contoh klasik ialah Amerika Syarikat (AS).

Kuasa besar dunia itu menjadi rujukan kebanyakan perancang bandar apabila mengasingkan New York sebagai pusat perdagangan, sementara Washington DC menjadi ibu negara baru menggantikan Philadelphia.

Menurut bekas perancang bandar yang turut bertanggungjawab dalam projek pembinaan Putrajaya sejak awal, Datuk Jebasingam Issace-John, pelan asal memang menetapkan sedemikian dan ia bukan lagi rahsia.

"Mungkin masa belum sesuai bagi Putrajaya secara total mengambil alih Kuala Lumpur tetapi lambat laun ia bukan mustahil kerana bandar ini direka khas untuk tujuan itu oleh anak watan kita sendiri," katanya.

Namun halangan terbesar ialah Bangunan Parlimen, simbol penggubalan tertinggi perundangan negara yang hingga kini belum ada tapak sesuai bagi dibina di Putrajaya selain masalah kos yang tinggi dan nilai nostalgia.

Isu itu menjadi alasan kepada Jabatan Negara AS enggan memindahkan bangunan kedutaan mereka di Kuala Lumpur ke Presint Diplomatik di Putrajaya di samping status ibu negara kita belum dimuktamadkan lagi.

Justeru, beberapa tokoh akademik mencadangkan supaya kerajaan segera mewartakan Putrajaya sebagai ibu negara baru Malaysia menggantikan Kuala Lumpur menjelang 50 tahun kemerdekaan negara pada 31 Ogos ini.

Langkah drastik itu perlu ekoran sebahagian besar daripada 128 negara termasuk kuasa besar dunia enggan memindahkan kedutaan mereka dengan alasan Putrajaya belum mendapat status rasmi ibu negara Malaysia.

Dekan Fakulti Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohamed Mustafa Ishak ketika dihubungi *KOSMO!* berkata, tiba masanya Malaysia memindahkan ibu negara ke Putrajaya.

"Kuala Lumpur dibina penjajah Inggeris sejak akhir kurun ke-19 dan mengekalkan Kuala Lumpur sebagai ibu kota Malaysia seolah-olah minda kita masih dijajah untuk mewarisi nilai kolonial Barat," tegasnya.

Justeru, Mohamed Mustafa berpendapat perlembagaan negara wajar segera dipinda untuk menjadikan Putrajaya yang dibina oleh anak tempatan yang lengkap dengan ciri-ciri Malaysia untuk menjadi ibu negara yang baru.



RANCANGAN asal Putrajaya ialah untuk menjadikannya ibu negara Malaysia yang baru.

Ia sekali gus tidak akan memberi alasan kepada banyak negara untuk kekal di Kuala Lumpur dan mengikut jejak 26 buah negara yang secara rasmi bersetuju memindahkan kedutaan mereka ke Putrajaya tahun depan.

"Bayangkan lebih 100 kedutaan asing tidak mengiktiraf Putrajaya dan ini menjadikan Malaysia ada dua ibu negara macam Afrika Selatan yang ada empat ibu kota, Johannesburg, Pretoria, Durban dan Cape Town," katanya.

Dalam pada itu, pakar sejarah Universiti Malaya, Prof. Emeritus Datuk Dr. Khoo Kay Kim berkata, usaha menjadikan Putrajaya sebagai ibu negara baru memerlukan langkah proaktif dan bukan bersifat artifisial.

Ini kerana Kuala Lumpur yang menjadi ibu negara sejak tahun 1896 sudah terlalu terkenal di arena antarabangsa sementara Putrajaya masih belum mantap meskipun bertaraf Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

"Kita tidak mahu jadi macam ibu negara Australia iaitu Canberra atau Brazil dengan Brasillia yang kini langsung 'tenggelam' walaupun ia juga diasaskan mengikut model Washington DC di AS," ujarnya.

Ini jelas dapat dilihat apabila dua ibu kota itu tidak begitu sinonim kepada nama negara dalam bahasa diplomatik antarabangsa malah media tempatan juga kekok menggunakan Putrajaya pada rujukan rasmi Malaysia.

"Cuba lihat dalam akhbar misalnya kita guna: Kuala Lumpur bersama Jakarta membantah idea Tokyo, tetapi kita tak pernah kata Putrajaya senada dengan Bangkok bekerjasama dengan Moscow," jelas beliau.

Kay Kim bagaimanapun tidak mahu cadangan memindahkan ibu negara dibuat secara tergesa-gesa hanya kerana hendak diselaraskan sempena genap usia 50 tahun kemerdekaan negara.